



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 Februari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN terima 33,400 aduan penipuan dalam talian sejak 2023

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima 33,400 aduan berhubung dakwaan penipuan dalam talian sejak 2023 hingga tahun lalu.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, jumlah itu direkodkan sebagai aduan tertinggi berbanding keseluruhan 136,082 yang diterima kementerian berkenaan dalam tempoh dua tahun.

Maka sebab itu, katanya, kerajaan berhasrat mewujudkan kerangka penyelesaian pertikaian yang menjadi salah satu teras kepada dapatan kajian reformasi perundangan berkaitan e-dagang.

"Berdasarkan statistik dari tahun 2023 hingga 2025, sebanyak 136,082 merangkumi pelbagai kategori aduan diterima. Dari pada jumlah itu, sebanyak 83,239 aduan membabitkan bidang kuasa KPDN.

"Kategori aduan tertinggi adalah membabitkan dakwaan penipuan atas talian iaitu berjumlah 33,400 dengan jenis aduan yang diterima antaranya membabitkan harga barang, perkhidmatan mengelirukan, tidak menerima barang atau perkhidmatan yang ditawarkan.

"Aduan juga membabitkan barang atau perkhidmatan yang diterima tidak seperti ditawarkan; cetak rompak dalam talian; barang tiruan dalam talian dan menaja skim piramid dalam talian," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) tentang jumlah kes penipuan membabitkan transaksi jual beli yang dilaporkan sejak 2023 hingga kini.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, reformasi undang-undang e-dagang itu dijangka dibentangkan pada sesi atau penggal persidangan Dewan Rakyat, akan datang.

REFORMASI e-DAGANG

KPDN cadang untuk wujud ODR bersepadu

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bercadang untuk mewujudkan satu kerangka penyelesaian pertikaian lebih komprehensif melalui platform penyelesaian pertikaian dalam talian (ODR) bersepadu.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata cadangan itu antara dapatan menerusi kajian yang dilaksanakan KPDN untuk mereformasikan kerangka perundangan e-dagang sedia ada, ia berikutan aduan berkaitan transaksi e-dagang sebanyak 33,400 yang diterima kementerian itu antara tahun 2023 hingga 2025.

"ODR ini adalah sebagai langkah penambahbaikan kepada ADR (penyelesaian pertikaian alternatif) sedia ada yang akan melibatkan proses rantai lengkap, daripada pemfailan hingga ke proses adjudikasi ataupun keputusan dan ODR berbeza dengan ADR sekarang yang masih lagi melibatkan elemen manual ataupun fizikal.

"Kita (KPDN) harap dan sasarkan dapat dibentangkan dalam mesyuarat (Dewan Rakyat) yang akan datang. Kita harap sokongan daripada ahli-ahli Yang Berhormat supaya pindaan-pindaan

yang dilaksanakan, reformasi yang kita ingin bawa kepada perundangan e-dagang ini untuk mewujudkan ekosistem e-dagang lebih sihat, mampan dan progresif sekali gus mengakhiri jumlah aduan yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) yang antaranya ingin tahu status cadangan untuk KPDN melaksanakan lesen khas perniagaan atas talian untuk menangani segala isu berkaitan e-dagang.

Armizan berkata kajian yang dilaksanakan KPDN itu turut menyarankan sama ada diperkenalkan rejim pelesenan khusus bagi perniagaan e-dagang atau menggunakan pendekatan berasaskan risiko.

"Jadi ini dua perkara yang masih kita pertimbangkan dan kita akan angkat kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan dasar sebelum keputusan dibawa dalam rang undang-undang (berkaitan e-dagang), sama ada menggunakan rejim pelesenan ataupun pendekatan berasaskan risiko yang melibatkan pematuhan sendiri daripada pengendali e-dagang ini," katanya.



KPDN rekodkan 33,400 aduan penipuan atas talian sejak 2023

Oleh JOHN TAMBANAN


KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merekodkan sebanyak 136,082 aduan merangkumi pelbagai kategori sepanjang tempoh 2023 hingga 2025, menurut statistik terkini kementerian itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata daripada jumlah tersebut, 83,239 aduan berada di bawah bidang kuasa KPDN.

"Daripada keseluruhan aduan itu, kategori tertinggi melibatkan dakwaan penipuan atas talian dengan jumlah sebanyak 33,400 aduan," katanya ketika menjawab soalan lisan pada persidangan Parlimen kelmarin.

Beliau menjawab pertanyaan Dato' Rosol Wahid, Ahli Parlimen Hulu Terengganu, yang meminta kementerian menyatakan jumlah kes penipuan atau scam melibatkan transaksi jual beli sejak 2023 hingga kini, tindakan mahkamah yang telah diambil serta jenis hukuman yang dikenakan.

Armizan berkata, antara aduan yang sering diterima termasuk isu harga barang atau perkhidmatan yang mengelirukan, kegagalan



menerima barangan atau perkhidmatan, barangan diterima tidak seperti ditawarkan, cetak rompak dalam talian, penjualan barangan tiruan serta penajaan skim piramid secara dalam talian.

Menurut beliau, kes penipuan atau scam yang melibatkan transaksi jual beli boleh disiasat di bawah beberapa kerangka perundangan bergantung kepada jenis dan kategori kesalahan.

"KPDN mempunyai bidang kuasa untuk memantau dan menyiasat sebarang bentuk representasi palsu, mengelirukan atau memperdaya dalam aktiviti perniagaan yang menjejaskan pengguna," ka-

tanya.

Antara peruntukan undang-undang yang digunakan ialah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599), Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730), Akta Timbang dan Sukat 1972 (Akta 71), Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (Akta 500).

Armizan berkata, bentuk hukuman berbeza mengikut kesalahan dan peruntukan undang-undang yang terlibat.

"Sepanjang tempoh 2023 hingga 2025, sebanyak 1,136 kes telah dihasilkan melibatkan kesalahan



SIDANG PARLIMEN

di bawah Akta 599, Akta 730, Akta 500, Akta 71 dan Akta 723, dengan jumlah kompaun keseluruhan RM880,625," katanya.

Tambah beliau, bagi kes di bawah Akta 599, dua kes telah didakwa di mahkamah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 12, iaitu gambaran mengelirukan mengenai harga, dengan jumlah denda keseluruhan RM16,500.

Sehubungan itu, KPDN menyeru orang ramai agar terus berperanan sebagai "mata dan telinga" pihak berkuasa dengan menyalurkan aduan rasmi yang lengkap bagi membolehkan siasatan dijalankan dengan segera.

Saluran aduan yang disediakan termasuk WhatsApp 019-848 8000, e-mel e-aduan@kpdn.gov.my, Pusat Panggilan 1-800-886-800, serta Aplikasi Ez ADU KPDN.

"Kerjasama orang ramai amat penting bagi memastikan kepentingan pengguna terus terpelihara, di samping memastikan peniaga kekal patuh kepada undang-undang yang dikuatkuasakan," katanya.

Cadangan platform ODR bersepadu tangani pertikaian e-dagang

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bercadang mewujudkan satu kerangka penyelesaian pertikaian yang lebih komprehensif melalui platform penyelesaian pertikaian dalam talian (ODR) bersepadu.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata cadangan itu antara dapatan menerusi kajian dilaksanakan KPDN untuk mereformasikan kerangka perundangan e-dagang sedia ada, berikutan aduan berkaitan transaksi e-dagang sebanyak 33,400 yang diterima kementerian itu antara 2023 hingga 2025.

“ODR ini adalah sebagai langkah penambahbaikan kepada ADR (penyelesaian pertikaian alternatif) sedia ada yang akan melibatkan proses rantai lengkap, daripada pemfailan hingga ke proses adjudikasi ataupun keputusan dan ODR berbeza dengan ADR sekarang yang masih lagi melibatkan elemen manual ataupun fizikal.

“Kita (KPDN) harap dan sasarkan dapat dibentangkan dalam mesyuarat (Dewan Rakyat) yang akan datang. Kita harap sokongan daripada ahli-ahli Yang Berhormat supaya pindaan-pindaan yang dilaksanakan, reformasi yang kita ingin bawa kepada perundangan e-dagang ini untuk mewujudkan ekosistem e-dagang yang lebih sihat, mampan dan progresif sekali

gus mengakhiri jumlah aduan yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) yang antaranya ingin tahu status cadangan untuk KPDN melaksanakan lesen khas perniagaan atas talian untuk menangani segala isu berkaitan e-dagang.

Armizan berkata kajian yang dilaksanakan KPDN itu turut menyarankan sama ada diperkenalkan rejim pelesenan khusus bagi perniagaan e-dagang atau menggunakan pendekatan berasaskan risiko.

“Jadi ini dua perkara yang masih kita pertimbangkan dan kita akan angkat kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan dasar sebelum keputusan dibawa dalam rang undang-undang (berkaitan e-dagang), sama ada menggunakan rejim pelesenan ataupun pendekatan berasaskan risiko yang melibatkan pematuhan sendiri daripada pengendali-pengendali e-dagang ini,” katanya.

Mengenai statistik aduan pengguna dari 2023 hingga 2025, Armizan berkata sebanyak 83,239 aduan merangkumi pelbagai kategori di bawah bidang kuasa KPDN diterima dengan kategori aduan tertinggi adalah dakwaan penipuan dalam talian iaitu berjumlah 33,400. – Bernama

Online dispute resolution platform for e-commerce

KUALA LUMPUR: Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has announced a proposal to establish a more robust dispute resolution framework via an integrated Online Dispute Resolution (ODR) platform.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali explained that the proposal is an outcome of a KPDN study aimed at reforming the existing e-commerce legal structure, driven by the 33,400 complaints over e-commerce transactions received by the ministry between 2023 and 2025.

"This ODR platform would be an enhanced successor to the current Alternative Dispute Resolution (ADR) mechanism.

"It will provide a fully digital, end-to-end process, from claim submission through to adjudication and final ruling, unlike the present system, which still involves physical or manual procedures," he explained.

"We aim to table this proposal in the upcoming Dewan Rakyat sitting to secure the support of all Honourable Members to enact these legislative amendments and reforms.

"These reforms are designed to cultivate a healthier, more sustainable, and progressive e-commerce ecosystem and, in turn, reduce the high number of consumer complaints," he said. – Bernama

KPDN proposes integrated ODR platform for e-commerce reform

KUALA LUMPUR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has announced a proposal to establish a more robust dispute resolution framework via an integrated Online Dispute Resolution (ODR) platform.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali explained that the proposal is an outcome of a KPDN study aimed at reforming the existing e-commerce legal structure, driven by the 33,400 complaints over e-commerce transactions received by the ministry between 2023 and 2025.

"This ODR platform would be an enhanced successor to the current Alternative Dispute Resolution (ADR) mechanism. It will provide a fully digital, end-to-end process, from claim submission through to adjudication and final ruling, unlike the present system, which still involves physical or manual procedures," he explained.

"We aim to table this proposal in the upcoming Dewan Rakyat sitting to secure the support of all Honourable Members to enact these legislative amendments and reforms.

"These reforms are designed to cultivate a healthier, more sustainable, and progressive e-commerce ecosystem and, in turn, reduce the high number of consumer complaints," he said.

Armizan was responding to a supplementary question from Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu), who had asked about the progress of KPDN's proposal to introduce a special online business licence to tackle various e-commerce-related challenges.

Elaborating further, he said the KPDN study also proposes evaluating two regulatory models: either implementing a dedicated licensing framework for e-commerce businesses or adopting a risk-based model centred on operator self-



compliance.

"These are the two policy options under consideration. A submission will be made to the Cabinet to secure a directive before advancing the relevant e-commerce legislation, to determine which model," he said.

On consumer complaints for the 2023–2025 period, Armizan reported that KPDN received a total of 83,239 complaints within its jurisdiction, with the largest category being online fraud allegations, which accounted for 33,400 of those cases.

"Other common complaints involved misleading pricing; failure to deliver goods or services; delivered items not matching their advertised description; online piracy; the sale of counterfeit goods; and the promotion of online pyramid schemes," he added.

Armizan noted that 1,136 cases were resolved during this period, resulting in the issuance of compounds totalling RM880,625.

The offences fell under several statutes: the Consumer Protection Act 1999; Trade Descriptions Act 2011; Price Control and Anti-Profiteering Act 2011; and Bank Simpanan Nasional Berhad Act 1997.

"Under the Consumer Protection Act specifically, two cases were prosecuted in court for offences under Section 12 on misleading prices, resulting in total fines of RM16,500," he concluded. –Bernama

→阿米占鼓励公众成为执法单位的耳目，积极通过各渠道提交投诉，以保障消费者利益。（马新社图）



內貿部：3年8.3萬宗共罰款88萬 網詐投訴最多佔3.3萬宗

（吉隆坡5日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占指出，该部在2023至2025年所接获的8万3239宗投诉中，数量最多的类型是线上诈骗投诉，达3万3400宗，累计罚款88万零625令吉。

他今日在国会下议院回答土团党乌鲁登嘉楼区国会议员拿督罗索华希的提问时表示，其中的案例包括商品或服务价格具误导性、未收到所提供的商品或服务；收到的商品或服务与宣传不符、商家售卖盗版或假货，以及金字塔骗局。

“另有2宗涉及价格误导性陈述的案件已被提控上庭，累计罚款1万6500令吉。”

为了严厉打击违规行为，他呼吁公众积极通过正式渠道提供完整的投诉信息，协助执法单位保障消费者权益。

“投诉渠道包括WhatsApp号码019-848 8000、邮箱eaduan@kpdn.gov.my、热线1800 886 800，以及Ez ADU KPDN手机应用程序。”

对电商法律框架改革

阿米占指出，该部门正在对现有电商法律框架进行改革，其中包括以更全面的线上争议解决平台（ODR），作为改进替代性争端解决方式（ADR）的一项机制。

他说，该机制的改革中包含2项重要内容，即引入许可制度以及采用风险导向模式。

他表示，该部门未来将改革内容提呈至内阁进行议决，以推动更健康、可持续与进步的电商体系。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 FEBRUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Feb	KPDN cadang wujudkan platform ODR bersepadu tangani pertikaian e-dagang	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-cadang-wujudkan-platform-odr-bersepadu-tangani-pertikaian-e-dagang/	TV3
6-Feb	KPDN cadang wujudkan ODR bersepadu tangani pertikaian e-dagang	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/kpdn-cadang-wujudkan-odr-bersepadu-tangani-pertikaian-edagang-x9zadfq	ASTRO AWANI
6-Feb	KPDN cadang wujudkan ODR bersepadu dalam reformasi e-dagang	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/02/1319187/kpdn-cadang-wujudkan-odr-bersepadu-dalam-reformasi-e-dagang?source=widget	HARIAN METRO
6-Feb	KPDN Proposes Integrated ODR Platform For E-commerce Reform	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2520379	BERNAMA
6-Feb	KPDN Cadang Wujudkan ODR Bersepadu Dalam Reformasi E-dagang - Armizan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2520340	BERNAMA
6-Feb	PARLIMEN: KPDN terima 33,400 aduan penipuan dalam talian sejak 2023	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/02/parlimen-kpdn-terima-33400-aduan-penipuan-dalam-talian-sejak-2023/	UTUSAN
6-Feb	33,400 aduan penipuan dalam talian dalam tempoh 2 tahun	https://www.bharian.com.my/berita/nasion-al/2026/02/1505625/33400-aduan-penipuan-dalam-talian-	BERITA HARIAN
6-Feb	Armizan: Malaysia records over 130,000 reports of online and trade scams since 2023	https://www.thevibes.com/articles/news/119108/armizan-malaysia-records-over-130000-reports-of-online-and-trade-scams-since-2023	THE VIBES

6-Feb	Armizan: Over 33,000 online fraud complaints lodged from 2023 to 2025	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/02/1371621/armizan-over-33000-online-fraud-complaints-lodged-2023-2025	NST
6-Feb	内贸部3年接获逾8万投诉 3.34万宗涉网络诈骗	https://www.orientaldaily.com.my/news/nation/2026/02/05/795517	ORIENTAL DAILY
6-Feb	Didenda RM120,000 jual gula kepada syarikat tiada permit	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/02/1319099/didenda-rm120000-jual-gula-kepada-syarikat-tiada-permit	HARIAN METRO
6-Feb	Peraturan baharu langkah adil tangani salah guna jual beli RON95 bersubsidi	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/02/1505840/peraturan-baharu-langkah-adil-tangani-salah-guna-jual-beli-ron95	BERITA HARIAN
6-Feb	Peraturan Baharu Langkah Adil Tangani Salah Guna Jual Beli RON95 Bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2520498	BERNAMA
6-Feb	Peraturan baharu langkah adil tangani salah guna jual beli RON95 bersubsidi	https://utusanarawak.com.my/peraturan-baharu-langkah-adil-tangani-salah-guna-jual-beli-ron95-bersubsidi/	UTUSAN SARAWAK
6-Feb	Fair Move Widens Action On RON95 Subsidy Abuse	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2520622	BERNAMA
6-Feb	Peniaga berdepan tindakan simpan LPG tanpa lesen	https://www.kosmo.com.my/2026/02/05/peniaga-berdepan-tindakan-simpan-lpg-tanpa-lesen/	KOSMO
6-Feb	90 cylinders of LPG seized in Perak raid	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/02/05/90-cylinders-of-lpg-seized-in-perak-raid	THE STAR

6-Feb	KPDN Nabs Duo For Storing LPG Without Licence	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2520601	BERNAMA
6-Feb	贸生部拟打造一体化线上平台，解决网购争议	https://www.malaysiakini.com/news/767383	MALAYSIA KINI
6-Feb	136,082 aduan penipuan online direkodkan sejak 2023	https://www.kosmo.com.my/2026/02/05/136082-aduan-penipuan-online-direkodkan-sejak-2023/	KOSMO
6-Feb	KPDN terima 33,400 aduan penipuan atas talian sejak 2023	https://www.asiatimes.com.my/2026/02/05/kpdn-terima-33400-aduan-penipuan-atas-talian-sejak-2023/	ASIA TIMES
6-Feb	内贸部3年接获逾8万投诉 3.34万宗涉网络诈骗	https://news.seehua.com/post/1436527	SEE HUA
6-Feb	阿米占：改革电商法律框架 内贸部拟打造争议解决平台	https://www.orientaldaily.com.my/news/nation/2026/02/05/795544	ORIENTAL DAILY
6-Feb	内贸部长：作为解决争议平台 建议设线上争议解决平台	https://www.kwongwah.com.my/20260205/%e5%86%85%e8%b4%b8%e9%83%a8%e9%95%bf%ef%bc%9a%e4%bd%9c%e4%b8%ba%e8%a7%a3%e5%86%b3%e4%ba%89%e8%ae%ae%e5%b9%b3%e5%8f%b0-%e5%bb%ba%e8%ae%ae%e8%ae%be%e7%ba%bf%e4%b8%8a%e4%ba%89%e8%ae%ae%e8%a7%a3/	KWONG WAH
6-Feb	阿米占:改革电商法律框架 内贸部拟打造争议解决平台	https://www.enanyang.my/news/20260205/Nation/1156551	E NANYANG
6-Feb	阿米占：改革电商法律框架• 内贸部拟打造争议解决平台	https://www.bernama.com/man/news.php?id=2520387	BERNAMA
6-Feb	33,400 aduan penipuan dalam talian direkodkan sejak 2023	https://www.nabalunews.com/post/33-400-aduan-penipuan-dalam-talian-direkodkan-sejak-2023	NABALU NEWS